

## **1MDB Realisasikan Impian Guru Pondok Tunai Haji**

**Bernama**

**Jun 18, 2014**

PUTRAJAYA, 18 Jun (Bernama) -- Penantian guru pondok selama 20 tahun untuk menunaikan fardu haji akhirnya termakbul selepas dipilih menyertai Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) 2014/1435H.

Tiada ungkapan yang dapat diluahkan Ismail Awang Kechik, 67, melainkan rasa syukur, gembira serta terima kasih kepada kerajaan dan 1MDB.

"Saya menanti sejak 1994, pada masa itu saya mendapat tawaran tetapi tidak dapat pergi kerana duit tidak cukup," katanya kepada pemberita selepas menerima surat tawaran menunaikan fardu haji daripada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini.

Awang yang berkhidmat selama 30 tahun di Sekolah Pondok dan Tahfiz Banggol Stol Pasir Merah, Kelantan juga berharap memperoleh haji mabrur.

Kegembiraan sama turut dikongsi Tok Batin Abdul Rani Abdullah, 54, dari Kampung Meranti Pekan, Pahang.

"Pakcik gembira kerana bukan senang nak dapat peluang tunaikan haji...terima kasih kepada kerajaan," katanya yang menjadi orang pertama di kampungnya berpeluang ke tanah suci.

Beliau berharap selepas ini, lebih ramai tok batin dapat menikmati peluang sama.

Tahun ini, seramai 1,000 jemaah termasuk dua Tok Batin dan lapan guru pondok ditawarkan untuk menunaikan haji di bawah program itu.

Selain tajaan haji, mereka masing-masing menerima wang saku RM1,000, sepasang kain, kain pelekat dan kurma.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047351>